

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
DI SESI TITIPAN TITIAN KASIH SEMPENA PROGRAM
MALAYSIA FUTURE LEADERS SCHOOL TIER 3
TAHUN 2022 ANJURAN
INSTITUT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN
KEPIMPINAN (i-LEAD), KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BERTEMPAT DI HOTEL MARDHIYYAH, SHAH ALAM
PADA 27 JULAI 2022 (KHAMIS), JAM 2.30 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah Aza Wajalla
kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapatlah
kita bersama-sama pada petang yang sungguh indah lagi
berbahagia ini.

Pertama sekali,

Pertama sekali, Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD), Kementerian Belia dan Sukan, khususnya Ketua Pengarah, Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Haswandi Bin Haji Ahmad atas penganjuran Program Malaysia Future Leaders School (MFLS) Tier 3 Tahun 2022.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Yang Berusaha Encik Abdullah bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Yang Berusaha Puan Ramona binti Mohd Razali, dif-dif kehormat, para tetamu, urus setia program dan para legasi kepimpinan peserta program MFLS Tier 3 Tahun 2022 yang diraikan.

Para legasi

Para legasi kepemimpinan sekalian,

Dunia kepemimpinan masa kini penuh dengan cabaran. Banyak cabaran yang akan ditempuhi kelak dalam memupuk diri kita untuk mengeluarkan bakat terpendam yang ada kalanya kita sendiri tak tahu potensi diri kita yang sebenarnya sehingga kita sendiri mencarinya.

Namun, kita juga perlu sedar tidak semua daripada kita akan menjadi pemimpin tertinggi kelak dan di atas kita pasti ada kepemimpinan yang lain. Jadi para legasi kepemimpinan sekalian perlulah juga bersedia untuk menjadi pengikut pada bila-bila masa jika tidak menjadi pemimpin tertinggi sepertimana kata pepatah *“To Be A Great Leader, learn Hot To Be A Great Follower”*. Untuk memimpin, kita perlu bersedia untuk dipimpin pada bila-bila masa sahaja kerana sepatutnya *“Great Followers Make The Best Leaders”*.

Para legasi

Para legasi kepemimpinan sekalian,

Menyentuh mengenai program yang para legasi kepemimpinan terlibat sepanjang dua minggu ini, generasi muda adalah aset yang sangat penting kerana anda lah penentu masa hadapan negara. Dalam hal ini sepertimana yang sering diulangi dalam program-program kepemimpinan sebegini, Saidina Ali pernah berkata “Jika kamu ingin melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda-pemudinya pada hari ini”.

Kata-kata ini sepatutnya menjadi peringatan kepada kita semua tentang betapa pentingnya membentuk generasi masa hadapan yang berkualiti. Justeru, pada hemat Saya penganjuran program MFLS Tier 3 ini adalah suatu yang tepat pada masanya ketika negara kita dan seluruh dunia sedang sibuk memperkasakan ilmu teknologi dalam menghadapi cabaran era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) khususnya dalam era pasca Covid-19 ini.

Program seumpama

Program seumpama ini haruslah menjadi program yang berterusan dengan penglibatan pelbagai pihak bagi melahirkan pemimpin masa hadapan secara tersusun dan terancang. Kita perlu melahirkan pemimpin masa hadapan mengikut acuan kita sendiri, yakni berasaskan nilai, adat dan budaya kita dan pada masa yang sama boleh berperanan di peringkat antarabangsa.

Legasi kepimpinan yang dihormati sekalian,

Dalam konteks pembentukan pemimpin masa hadapan beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti hidup berperaturan, takut dan patuh kepada Tuhan, berintegriti dan memahami degup jantung rakyat mahupun organisasi yang anda pimpin kelak, bagi memastikan barisan pemimpin yang dilahirkan mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang unggul. Saya berpandangan dalam usaha melahirkan pemimpin yang unggul, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian :

(Menjemput peserta 5 orang untuk membacakan teks)

Perkara Pertama : Keupayaan Memimpin Diri Sendiri

Kepimpinan ialah keupayaan mempengaruhi dan memimpin orang lain bagi mencapai sesuatu matlamat. Sebelum memimpin orang lain dan organisasi, kita seharusnya berkeupayaan memimpin diri sendiri terlebih dahulu. Untuk memimpin diri sendiri, seseorang itu mestilah mengamalkan nilai-nilai dan sifat-sifat kepemimpinan yang baik sehingga membentuk budaya dan watak kepimpinan yang unggul. Pemimpin yang hebat adalah pemimpin yang menunjukkan contoh teladan yang baik melalui pengamalan nilai-nilai dan sifat-sifat kepimpinan yang baik. Ungkapan "*walk the talk*" seharusnya menggantikan perkataan "*listen to my words*" dan disematkan dalam minda seorang pemimpin supaya sedar tindak tanduk mereka menjadi teladan kepada orang yang dipimpin.

Perkara kedua

Perkara Kedua : Memimpin Dengan Ilmu.

Pemimpin yang berwibawa haruslah berasaskan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan kepimpinan serta tadbir urus yang baik. Pemimpin tanpa ilmu serta bertindak secara emosi boleh merosakkan diri sendiri dan organisasi. Mereka perlu menguasai ilmu mengurus manusia dan mentadbir sebuah organisasi.

Dengan perkembangan pesat teknologi maklumat serta pelbagai cabaran dunia kini, seorang pemimpin perlu memberi perhatian dari segi keseimbangan antara ilmu berkaitan teknologi dengan ilmu berkaitan pembangunan rohani. Sebagai seorang pemimpin, menuntut ilmu yang berterusan seharusnya menjadi sebahagian daripada agenda kepimpinan sesuai dengan mutiara kata “tuntutlah ilmu dari buaian sehingga ke liang lahad”.

Perkara ketiga

Perkara Ketiga : Kesiediaan Melakukan Perubahan

Perubahan dunia sekarang ini berlaku sangat pantas sama ada dari segi teknologi dan citarasa pengguna. Jika kita inginkan kemajuan dan peningkatan dalam hidup, kita perlu bersedia membuat perubahan. Perlu bersedia menerima perkara yang baharu, mencuba amalan yang baharu dan rela melepaskan amalan yang lama walaupun ia selesa tetapi tidak mampu membawa kita ke mana-mana.

Perkara Keempat : Keterbukaan

Imam Syafie pernah berkata “pendapatku benar tetapi mungkin juga salah, pendapat orang lain salah tapi mungkin juga benar”. Kata-kata ini seharusnya menjadi panduan kepada seorang pemimpin dalam menerima pandangan dan kritikan membina dari orang lain demi kebaikan organisasi.

Sifat keterbukaan

Sifat keterbukaan seperti ini, bukanlah menunjukkan seorang pemimpin itu lemah tetapi sebaliknya itulah ciri-ciri seorang pemimpin yang baik bagi membawa ahli-ahli yang dipimpin serta organisasi ke arah kecemerlangan, serta

Perkara Kelima : Pemimpin Yang Beradab

Kita ingin melahirkan pemimpin yang boleh memimpin diri sendiri, berilmu, sedia melakukan perubahan dan berfikiran terbuka. Namun yang lebih penting dari itu ialah untuk melahirkan pemimpin yang mempunyai budi pekerti dan adab yang tinggi.

Sesungguhnya pemimpin yang mempunyai budi pekerti dan adab yang tinggi akan melahirkan bangsa yang beradab dan bertamadun.

Para legasi kepimpinan sekalian,

Saya percaya para legasi kepimpinan telah pun menonton kesemua 9 video khas Program Titian Kasih Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) Perlis yang ditayangkan sebelum ini berkaitan bersukan dalam kehidupan, pengurusan bencana alam, bahaya najis dadah, pencegahan jenayah, penjagaan kesihatan, merapikan sahsiah yang cemerlang, menguruskan sisa pepejal dan menetapkan masa depan dalam membuat hala tuju masing-masing.

Saya amat berharap agar kesemua tayangan video ini sedikit sebanyak mampu memberi manfaat sebaiknya pada semua legasi kepimpinan di hadapan Saya ini.

Kesemua video

Kesemua video ini merupakan Program Titian Kasih yang telah dijalankan di negeri Perlis secara fizikal pada setiap tahun di semua sekolah menengah sejak daripada tahun 2006 lagi yang melibatkan kehadiran seramai 182,700 orang pelajar, bagi memberi pendedahan dan melatih para pelajar agar bermentaliti kelas pertama dalam segala tindakan, di mana antara tujuan utamanya adalah :

Pertama :

Memberi kesedaran dalam pelbagai aspek di mana kesemua topik ini wajar diberi perhatian sepenuhnya untuk melatih dan menyemai diri kita agar menjadi rakyat bermentaliti kelas pertama dalam segala tindakan.

Kedua

Kedua :

Adakalanya kita terlalu leka untuk mengejar pelbagai bidang dan terlalu leka melatih diri kita sendiri di pelbagai peringkat, namun kita sering alpa dan terlupa perkara asas sebenar yang sangat mudah untuk kita latih terlebih dahulu dalam diri kita. Serta,

Ketiga :

Untuk melatih orang lain sepertimana yang para hadirin saksikan dan dengar dalam semua video-video khas tersebut agar dapat memberi kesedaran sewajarnya tentang perkara asas tersebut.

Para legasi kepimpinan sekalian,

Sebelum kita berbicara lebih jauh untuk menjadi pemimpin, kita perlu melihat diri kita sebagai rakyat dan tanya kembali pada diri masing-masing adakah kita seorang rakyat yang bermentaliti kelas pertama?

Adakah bila

Adakah bila kita nampak sampah di tepi jalan kita akan kutip atau tak peduli? Adakah kita menjaga kesihatan kita untuk memastikan badan kita sihat? Adakah kita rajin bersukan untuk memastikan pemikiran kita cerdas? Adakah kita tahu nak buat apa jika kita nampak berlaku kecemasan seperti kebakaran?

Adakah kita sedar betapa bahayanya najis dadah yang melanda golongan muda negara ini? Apakah yang kita perlu buat jika kita tahu ada jenayah yang sedang berlaku? Adakah kita berjaya membentuk sahsiah dan akhlak cemerlang dalam diri kita? Adakah kita tahu matlamat dan hala tuju kita selepas tamat persekolahan?

Jadi saya

Jadi saya menyeru kepada para legasi kepimpinan di sini, apabila menjadi pemimpin kelak, janganlah terlalu melihat jauh ke atas dan jangan terlalu mengangkat diri kita sendiri tinggi hingga ke langit, hinggakan kita lupa untuk menjejak tanah kembali iaitu tempat kita bermula. Janganlah kita terbang terlalu tinggi hingga kita lupa daratan untuk kita kembali semula. Jadilah seperti resmi padi, semakin berisi semakin tunduk ke bawah.

Suka juga Saya tekankan tentang asas seperti dalam program Titian Kasih ini untuk semua kembali kepada fitrah pada setiap masa dengan merendah diri dan sentiasa mahu belajar sesuatu perkara walaupun kita telah mengetahui perkara tersebut, agar kita menjadi seorang yang berfikiran kelas pertama dalam erti kata yang sebenarnya.

Saya percaya

Saya juga percaya melalui perkongsian En. Zaharin Haris, Ust Mohd Nazim Mohd Noor dan juga Sahibus Samahah Prof. Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Zainul Abidin sebentar tadi telah menunjukkan kepada para legasi kepimpinan akan contoh-contoh kepimpinan terutama sekali dalam Institusi DiRaja dan apa yang perlu para legasi kepimpinan di hadapan Saya ini ketahui dan laksanakan untuk menjadi seorang yang bermentaliti kelas pertama dalam segala tindakan.

Sebagai seorang pemimpin, sentiasalah sentuh hati dan perasaan agar segala usaha kita akan mendapat manfaat bukan sekadar untuk diri kita sahaja malah manfaat kepada semua yang berada di luar sana. Sama-samalah kita menyebarkan dan menjadi agen perubahan kebaikan dengan membawa konsep mentaliti kelas pertama dalam segala tindakan.

Para legasi

Para legasi kepemimpinan sekalian,
Sebelum Saya mengakhiri titah, suka juga untuk Saya kongsiikan sedutan video Harapan Saya sebagai seorang Putera Raja dan juga Pewaris Takhta terhadap rakyat jelata yang pernah Saya zahirkan sempena Sambutan Hari Kebangsaan tahun lepas seperti video berikut :

(Tayangan video di skrin)

Itulah serba sedikit harapan agar para hadirin dapat mengambil pedoman yang telah Saya zahirkan pada Hari Kebangsaan tahun lepas. Titah ucapan ini telah Saya zahirkan bersama-sama 5 orang Putera Raja dan Pewaris Takhta yang lain. Para hadirin boleh layari di *Youtube* dan cari “Harapan DiRaja Pewaris Negara Merdeka” untuk tontotan penuh.

Mengakhiri titah

Mengakhiri titah, saya berdoa agar program ini berjaya melahirkan pemimpin masa hadapan seperti yang diungkapkan dalam peribahasa Melayu yang telah Saya titahkan di awal tadi iaitu “ikutlah resmi padi semakin berisi semakin tunduk” yakni semakin tinggi ilmu dan kedudukan seseorang pemimpin itu semakin ia merendahkan diri.

Wabilahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.